

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HIA 101 – PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari bahagian A, dan DUA soalan dari bahagian B.

...2/-

**Bahagian A**

1. Agama adalah sistem kepercayaan, peribadatan dan kepatuhan kepada kuasa supernatural yang dipercayai dapat mengawal kehidupan manusia. Huraikan kenyataan ini secara ilmiah berdasarkan aspek-aspek berikut:
  - [a] EMPAT bentuk kepercayaan dan amalan dalam agama kuno. [40 markah]
  - [b] TIGA teori kewujudan dan kepupusan sesuatu agama di dunia. [30 markah]
  - [c] TIGA sebab utama mengapa manusia memerlukan agama dari perspektif Islam. [30 markah]
  
2. Islam adalah merupakan agama wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sejak tahun 610M. Berdasarkan ajaran Islam, huraikan perkara-perkara berikut:
  - [a] Maksud dua kalimah syahadah. [20 markah]
  - [b] EMPAT maksud Islam sebagai al-Din. [40 markah]
  - [c] EMPAT daripada "lima kepentingan yang asasi" (*masalah al-khamsah*) menurut Islam. [40 markah]
  
3. al-Qur'an dan al-Sunnah adalah merupakan dua sumber utama ajaran Islam. Berdasarkan keterangan ini, huraikan aspek-aspek berikut:
  - [a] Definisi al-Qur'an secara terperinci. [30 markah]
  - [b] EMPAT bentuk kemukjizatan al-Qur'an. [40 markah]
  - [c] TIGA peranan al-Sunnah di samping al-Qur'an. [30 markah]

...3/-

**Bahagian B**

4. Selain daripada akhlak, akidah dan syariah merupakan dua bidang yang sangat asasi yang menjadi teras kepada agama Islam. Huraikan:
- [a] Kepentingan akidah dalam kehidupan seseorang Muslim.  
[30 markah]
  - [b] Maksud akidah Islam sebagai akidah pertengahan.  
[40 markah]
  - [c] TIGA keistimewaan syariah Islam berbanding ajaran agama lain dan undang-undang ciptaan manusia.  
[30 markah]
5. Dalam pengertiannya yang khusus syariah Islamiyyah boleh dikategorikan kepada empat kategori iaitu ibadah, muamalah, munakahah dan jinayah. Huraikan:
- [a] Pengertian syariah dari sudut bahasa dan istilah dan hubungan antara keduanya.  
[20 markah]
  - [b] TIGA ciri keistimewaan ibadah dalam Islam.  
[30 markah]
  - [c] LIMA prinsip muamalat perniagaan Islam.  
[50 markah]
6. Akhlak yang luhur terbina dari pegangan akidah yang sahih dan penghayatan syariah yang padu. Bincangkan.
- [a] Pelbagai dimensi akhlak dalam Islam.  
[50 markah]
  - [b] Peranan media dalam pembentukan akhlak masyarakat di Malaysia.  
[50 markah]

